

19 NOV 1998

LEAD Gore-Reaksi

GORE TERUS DIKECAM KERANA BIADAB

KUALA LUMPUR, 19 Nov (Bernama) -- Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang menimbulkan kemarahan rakyat Malaysia kerana perlakuan biadabnya menyokong gerakan reformasi ketika menjadi tetamu negara ini, terus menerima kecaman pelbagai lapisan masyarakat, termasuk 10,000 orang pemanggil satu talian khas.

Panggilan itu diterima melalui talian 24 jam bernombor 03-4441199 yang diperkenalkan oleh Pemuda Barisan Nasional (BN) semalam untuk sesiapa sahaja yang ingin menyatakan bantahan mereka kepada Gore.

Menurut kakitangan yang mengendalikan talian itu hari ini, sehingga pukul 5 petang ini, lebih daripada 10,000 panggilan diterima yang menyatakan bantahan mereka terhadap campur tangan Naib Presiden Amerika Syarikat itu dalam urusan dalaman Malaysia.

"Beribu-ribu orang memanggil talian kita hari ini yang menyifatkan Al Gore sebagai biadab, kurang ajar dan melampaui batas," katanya.

Satu lagi talian 03-2025615 yang diperkenalkan oleh badan individu turut mendapat sambutan hangat daripada orang ramai, dan ketika dihubungi, seorang pegawai yang hanya ingin dikenali sebagai Yap berkata, sehingga 5 petang tadi, lebih daripada 1,000 panggilan telah diterima.

"Setiap hari 1,000 nama akan disiarkan di akhbar tempatan dan kita sentiasa mengemaskinikan senarai nama tersebut," katanya.

Ketika berucap pada jamuan sempena sidang perniagaan APEC pada Isnin, Gore secara terbuka menyatakan sokongannya kepada gerakan reformasi yang menyokong Datuk Seri Anwar Ibrahim, dengan menganggap mereka yang terlibat dalam gerakan itu sebagai rakyat Malaysia yang berani.

Sebaik saja habis berucap dia terus meninggalkan majlis itu yang dihadiri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan ketua-ketua kerajaan APEC yang lain.

Sejak itu, dia telah dikecam hebat oleh rakyat Malaysia pelbagai lapisan daripada menteri sehinggalah ke peringkat orang awam.

Hari ini, Biro Publisiti MCA mengecam keras kenyataan Gore itu yang secara terang-terang mencampuri urusan dalaman negara ini dengan menyokong gerakan anti-kerajaan itu.

Ketuanya Datuk Wong See Wah berkata perbuatan Gore mencampuri urusan politik negara ini telah mengancam perhubungan kedua-dua negara.

"Malaysia merupakan sebuah negara demokrasi berperlembagaan yang mempunyai sistem perundangan adil dan bidang kuasa tersendiri untuk mengawasi isu berhubung dengan perundangan. Oleh yang demikian, kita tidak memerlukan ajaran atau campur tangan orang luar," katanya dalam satu kenyataan.

Wong menyifatkan perbuatan Gore itu sebagai biadab, angkuh dan melampaui batas dan mencerminkan polisi Amerika Syarikat yang sememangnya mengancam politik negara lain.

Di JOHOR BAHARU, Badan Perhubungan Umno Negeri mengambil ketetapan untuk berdiri teguh bersama Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam mempertahankan maruah Malaysia sebagai sebuah negara merdeka dan berdaulat.

Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman selaku pengerusi badan itu berkata Umno Johor juga sebulat suara membantah sikap biadab Naib Presiden Amerika Syarikat Al Gore yang menyokong gerakan reformasi.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Umno Johor malam tadi, beliau berkata Amerika mempunyai niat jahat dan merancang sejak awal lagi untuk campur tangan terhadap hal ehwal dalaman negara dan ia

terbukti apabila Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) telah dicemari dengan sikap biadab Gore.

Abdul Ghani berkata kenyataan Gore menyokong gerakan reformasi merupakan satu hasutan untuk menggalakkan lebih ramai rakyat Malaysia keluar ke jalan raya untuk melakukan rusuhan dan seterusnya menumbangkan kerajaan yang dipilih secara sah melalui proses pilihan raya yang adil dan demokratik.

"Apa yang dilakukan oleh Gore amat keterlaluan," katanya.

Menurutnya, Amerika sebenarnya berasa iri hati dan ingin menggagalkan langkah-langkah pemulihan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Ketua Penerangan UMNO Datuk Dr Yusof Noor pula menganggap penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yang masih berdegil dan meneruskan gerakan reformasi sebagai hamba Amerika Syarikat dan pengkhianat negara.

Beliau berkata kesalahan mereka tidak boleh dimaafkan dan tindakan mereka yang terang-terangan menyokong kenyataan Gore adalah di luar batasan undang-undang dan nilai agama.

"Mereka sanggup menggadai maruah negara dengan menghina pemimpin negara yang selama ini berjuang untuk menjadikan Malaysia seperti sekarang, yang jauh lebih maju dari negara lain dan menyokong Gore yang dianggap sebagai dalang kepada gerakan itu, katanya."

Di KUANTAN, Umno Bahagian Lipis mahu Gore memohon maaf secara terbuka kepada Dr Mahathir serta rakyat Malaysia dan menarik balik kenyataannya itu.

Ketua Umno Bahagian Lipis Datuk Omar Othman berkata kenyataan Gore itu merupakan satu penghinaan besar kepada pucuk pimpinan negara terutamanya kepada Perdana Menteri.

Omar juga mencadangkan supaya pemimpin dan rakyat Malaysia tidak melawat Amerika Syarikat selagi Gore enggan memberikan jaminan bahawa dia tidak akan mengulangi perbuatan biadabnya itu.

Sekumpulan 13 rakyat Malaysia yang menamakan diri mereka Warga Korporat menempah iklan dalam akhbar New Straits Times hari ini untuk membidas Gore.

Mereka berkata kenyataan Gore mengenai keadaan politik Malaysia tidak berasas dan tidak wajar dibuat.

"Sikap angkuh, jahil dan kurang ajar bukan pendirian Amerika dan rakyat Amerika," kata mereka dalam iklan itu.

Mereka berkata seperti penduduk di negara lain, rakyat Malaysia juga cintakan keamanan, kemajuan dan kemakmuran dan telah menikmati semua ini dalam suasana kestabilan politik yang matang.

Rakyat Malaysia tidak menerima atau menggalakkan keganasan, tidak kira apa agendanya, kata kumpulan itu.

"Kami amat yakin kepada kerajaan kami yang dipilih secara demokratik," katanya.

Di LANGKAWI, Ketua Wanita UMNO Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman menyifatkan ucapan Gore sebagai satu kesilapan besar kerana dia menunjukkan sifat tidak bertanggungjawab.

Katanya Malaysia adalah sebuah negara yang berbudaya dan mempunyai kerajaan yang bersikap jujur.

Oleh itu pemimpin negara-negara luar harus menghormati negara ini, katanya kepada pemberita di sini.

Zaharah berkata Gore sepatutnya tidak membangkitkan perkara-perkara yang sensitif apabila dia datang ke Kuala Lumpur sebagai seorang tetamu negara.

-- BERNAMA

ZI MAI